

FWD Max Wealth

Pelan Insurans Simpanan dan Perlindungan

Maksimumkan kekayaan anda dengan bayaran tunai terjamin yang meningkat, sambil menikmati perlindungan tambahan



FWD Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami: 1 300 22 6262

**Bayaran tunai terjamin
yang meningkat
dan perlindungan
tambahan untuk
melindungi anda dan
keluarga tersayang**



Anda bercita-cita untuk menikmati kehidupan dengan sepenuhnya dan mencapai kebebasan kewangan.

Tetapi ini bukan satu perkara yang senang. Pada hakikatnya, kebanyakan kami perlu mengimbangi pendapatan kami untuk membiayai pelbagai komitmen seperti membeli kereta baru, rumah baru, mahupun untuk menyara kehidupan keluarga. Selalunya, kita terpaksa mengetepikan impian kita sebab masalah kewangan.

Kini dengan FWD Max Wealth, kehidupan anda akan penuh dengan ganjaran bagi setiap pencapaian yang dikecapi.

Perlindungan kewangan adalah hadiah yang terbaik untuk keluarga tersayang anda. Ia bukan sahaja membolehkan mereka menikmati hidup yang lebih baik dan selesa, serta menjamin masa depan yang stabil dan selamat.

Maksimumkan kekayaan anda

Tempoh pembayaran premium jangka pendek selama 3, 6, atau 9 tahun

Dengan tempoh pembayaran sependek 3 tahun, anda boleh menikmati perlindungan dan manfaat simpanan sehingga 30 tahun.

Umur Penyertaan	Pilihan Tempoh Premium
14 hari – 50 tahun	3 tahun, 6 tahun, 9 tahun atau tempoh polisi penuh
51 tahun – 60 tahun	3 tahun, 6 tahun atau 9 tahun
61 tahun – 65 tahun	3 tahun

Ganjaran Bayaran Tunai Terjamin kepada anda

Menikmati ganjaran Bayaran Tunai Terjamin yang semakin meningkat bagi setiap 3 tahun dari permulaan polisi sehingga kematangan atau tamat. Jadual Bayaran Tunai Terjamin adalah seperti yang berikut:

Tahun Polisi Terakhir	Bayaran Tunai Terjamin (% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan)			
	Tempoh Polisi 15 tahun	Tempoh Polisi 18 tahun	Tempoh Polisi 21 tahun	Tempoh Polisi 30 tahun
3	3%	3%	3%	3%
6	6%	6%	6%	6%
9	9%	9%	9%	9%
12	12%	12%	12%	12%
15	15%	15%	15%	15%
18	-	18%	18%	18%
21	-	-	21%	21%
24	-	-	-	24%
27	-	-	-	27%
30	-	-	-	30%

Anda mempunyai fleksibiliti untuk mengeluarkan Bayaran Tunai Terjamin atau mendepositkannya dengan kami untuk mengumpul faedah.

Manfaat Matang, terjamin 130% daripada jumlah asas yang diinsuranskan

Apabila polisi matang, anda akan menerima manfaat matang terjamin sejumlah 130% daripada jumlah asas yang diinsuranskan, dengan manfaat tambahan Celebrate Living Maturity Booster (jika ada) setinggi 9%.

Manfaat tambahan Celebrate Living Maturity Booster, setinggi 9% daripada jumlah asas yang diinsuranskan

Apabila polisi matang, anda akan menerima 3% tambahan daripada jumlah asas yang diinsuranskan, sekiranya anda meraikan mana-mana peristiwa hidup yang di bawah, sehingga maksimum 3 peristiwa bagi setiap polisi.

Berkenaan Orang yang Diinsuranskan

- | | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kemasukan ke institusi pengajian tinggi • Tamat pengajian dari institusi pengajian tinggi • Pembelian kereta baru • Pembelian rumah baru • Memulakan perniagaan baru • Berkahwin | <ul style="list-style-type: none"> • Kelahiran anak/cucu • Perkahwinan anak/cucu • Kemasukan anak/cucu ke institusi pengajian tinggi anak/cucu • Anak/cucu tamat pengajian dari institusi pengajian tinggi |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Perlindungan tambahan untuk anda dan orang tersayang

Orang tersayang anda akan dilindungi dari segi kewangan jika berlakunya sesuatu yang tidak diingini, dengan jumlah sehingga 200% daripada Manfaat Kematian.

Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

Jika berlaku Kematian atau HUMK semasa tempoh polisi, FWD Max Wealth akan memberikan perlindungan seperti berikut:

Tempoh Premium	Ulang Tahun Polisi, di mana Umur Orang yang Diinsuranskan (Hari Lahir Berikutnya)	Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
3 tahun, 6 tahun, 9 tahun	Sebelum umur 71	<p>Yang lebih tinggi di antara:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 130% daripada Jumlah Premium yang Dibayar; atau • 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan (tertakluk pada Liabiliti Kanak-Kanak)
Tempoh polisi penuh	Sebelum umur 71	<p>Yang lebih tinggi di antara:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 115% daripada Jumlah Premium yang Dibayar; atau • 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan (tertakluk pada Liabiliti Kanak-Kanak)
3 tahun, 6 tahun, 9 tahun atau tempoh polisi penuh	Umur 71 dan ke atas	<p>Yang lebih tinggi di antara:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 100% daripada Jumlah Premium yang Dibayar; atau • 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan

Manfaat Tambahan Kematian Akibat Kemalangan

Untuk membantu meringankan beban kewangan keluarga anda, pelan ini memberikan perlindungan yang lebih tinggi jika berlakunya kematian akibat kemalangan dalam tempoh 90 hari selepas kemalangan. Manfaat tambahan yang sebanyak 100% daripada Manfaat Kematian akan dibayar.

Pendaftaran mudah untuk jumlah asas yang diinsuranskan setinggi RM500,000 dengan pengisytiharan kesihatan yang ringkas

Manfaat Penyerahan

Apabila anda membatalkan polisi anda, anda akan menerima sejumlah wang sekaligus, iaitu Nilai Tunai Terjamin selepas pembayaran tiga (3) premium tahunan penuh.

Lindungi diri anda

Pilih tempoh polisi dan jumlah perlindungan mengikut keperluan anda.

Umur Penyertaan (Hari Lahir Berikutnya)	Orang Yang Diinsuranskan	Pemilik Polisi
Minimum	14 hari	16 tahun
Maksimum	65 tahun	100 tahun

Tempoh Polisi

15, 18, 21 atau 30 tahun

Jumlah asas yang diinsuranskan

Minimum	Maksimum
RM30,000	RM500,000 (umur penyertaan 14 hari hingga 60 tahun) RM200,000 (umur penyertaan 61 tahun hingga 65 tahun)

Bagaimana pelan ini berfungsi?



Sam, 40 tahun, lelaki berkeluarga dengan perkejayaan yang stabil. Matlamat barunya dalam hidup adalah untuk memberikan yang terbaik untuk orang tersayang. Beliau telah membeli **FWD Max Wealth**, pelan insurans yang membantu memaksimumkan simpanannya sambil menikmati manfaat perlindungan.

Dengan **premium tahunan** sebanyak **RM30,482.50**, yang akan dibayar selama **3 tahun**, pelan ini memberikan **perlindungan insurans** kepada Sam **selama 30 tahun** dengan **jumlah asas yang diinsuranskan sebanyak RM50,000**.



Sepanjang tempoh polisi, FWD Max Wealth juga memberikan Sam **Bayaran Tunai Terjamin yang semakin meningkat bagi setiap 3 tahun**. Bayaran Tunai Terjamin adalah seperti yang tertera dalam jadual di bawah, akan dibayar pada setiap 3 tahun sehingga tamat tempoh polisi.

Akhir Tahun Polisi	3	6	9	12	15	18	21	24	27	30
Bayaran Tunai Terjamin (% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan)	3%	6%	9%	12%	15%	18%	21%	24%	27%	30%

Jumlah Bayaran Tunai Terjamin (% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan)
165%



Di samping itu, Sam menerima manfaat **Celebrate Living Maturity Booster** sebanyak RM4,500 untuk tiga peristiwa penting; iaitu pembelian rumah, konvokesyen anak dan perkahwinan anak. Dia menerima RM1,500 untuk setiap peristiwa, dengan maksimum tiga peristiwa setiap polisi.

Dengan perlindungan insurans yang disediakan, jika Sam mengalami **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal** atau meninggal dunia semasa tempoh polisi, dia dan orang tersayangnya akan menerima manfaat bayaran sekaligus, 130%/100% daripada jumlah premium yang dibayar, atau 100% daripada jumlah asas yang diinsuranskan, yang mana lebih tinggi untuk meringankan beban kewarganegaraan.



Apabila kematangan polisi, jika tiada tuntutan **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal** atau **Kematian** dibuat, dia akan menerima jumlah manfaat sekaligus sebanyak **RM152,000**.

Bayaran Tunai Terjamin sebanyak **RM82,500**

+ Manfaat Matang Terjamin sebanyak **RM65,000**

+ Jumlah **Celebrate Living Maturity Booster** sebanyak **RM4,500**

Bila kami tidak membayar sebarang manfaat

Di FWD Insurance, kami tidak menetapkan senarai klausula tersembunyi yang panjang, yang menghalang kami daripada membayar tuntutan. Untuk kemudahan anda, kami telah mengurangkan pengecualian kami kepada hanya 3 kriteria. Kami tidak akan membayar manfaat kematian, manfaat kematian akibat kemalangan dan manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal yang di bawah pelan asas ini jika tuntutan akibat daripada:

Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri

Bunuh diri, cubaan membunuh diri, atau tindakan mencederakan diri sendiri yang dilakukan oleh Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh satu tahun dari permulaan polisi atau tarikh terakhir kami mengembalikan polisi anda, tanpa mengira keadaan mental.

Tindakan berperang

Tindakan berperang (sama ada diisyiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.

Tindakan menyalahi undang-undang

Apabila anda atau Orang yang Diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang.

Nota Penting

Pelan insurans ini diunderait oleh FWD Insurance Berhad syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

FWD Max Wealth merupakan pelan endowmen tanpa penyertaan yang menggabungkan perlindungan dan simpanan dengan tempoh pembayaran premium terhad selama 3, 6, 9 tahun, atau tempoh polisi penuh. Manfaat akan dibayar sama ada apabila polisi matang, semasa Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau jika Orang yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) semasa tempoh polisi sebelum mencapai umur 75 tahun, mana-mana yang lebih awal. Pembayaran Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) tertakluk kepada maksimum RM4.0 juta seorang. Manfaat tambahan kematian akibat kemalangan ditawarkan untuk yang sebelum umur 75 tahun dan bayaran adalah tertakluk kepada maksimum RM2.0 juta seorang.

Jika anda memilih untuk tidak mengeluarkan GCP anda, ia akan didepositkan dengan kami secara automatik untuk memperoleh kadar faedah yang ditentukan oleh kami.

Untuk layak mendapat Celebrate Living Maturity Booster, tarikh peristiwa pertama anda perlu sekurang-kurangnya 1 bulan dari tarikh permulaan polisi anda. Tiada sekatan pada bilangan peristiwa pada satu masa. Orang yang Diinsuranskan boleh meraikan sehingga 3 peristiwa kehidupan pada satu masa.

Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin layak untuk Pelepasan Cukai untuk Insurans Hayat, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Anda harus berpuas hati bahawa ini merupakan pelan terbaik untuk memenuhi keperluan dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar. Jika anda membatalkan polisi anda pada tahun-tahun awal, anda mungkin mendapat kembali jumlah yang kurang daripada jumlah yang telah anda bayar.

Jika anda membatalkan polisi ini dalam Tempoh Pengamatian Percuma selama 15 hari dari tarikh penghantaran polisi, kami akan membayar balik semua premium yang anda telah bayar tanpa faedah ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan kepada anda.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukan kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Keterangan Produk dan Kontrak Polisi untuk butiran lanjut tentang terma dan syarat.

Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia atau Bahasa Cina bagi risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

Untuk maklumat lanjut

Sila hubungi mana-mana Penasihat Kewangan kami, sembang secara langsung dengan kami di fwd.com.my atau e-mel ask@fwd.com



Talian Khidmat Pelanggan

1 300 22 6262

(Waktu operasi:
8.30am – 5.30pm,
Isnin hingga Jumaat,
kecuali cuti umum)

Mengenai FWD Insurance Berhad

FWD Insurance Berhad (“FWD Insurance”) ialah sebahagian daripada Kumpulan FWD, syarikat insurans pan-Asia terkemuka dengan lebih 13 juta* pelanggan merentasi 10 pasaran, termasuk beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. FWD mencapai ulang tahunnya yang ke-10 pada 2023. Syarikat memberi tumpuan untuk menjadikan perjalanan insurans lebih mudah, pantas dan lancar dengan cadangan yang inovatif dan produk yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang diterajui oleh pelanggan kami, FWD komited untuk mengubah cara orang ramai berfikir tentang insurans.

*Pada Mar 2024

Mengenai Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Nasional (BSN) ialah bank pertama dan paling lama beroperasi di Malaysia, memberi tumpuan dalam menggalakkan tabiat menabung dan pelaburan secara aktif di kalangan raykat Malaysia.